



03 JUN, 2021

Perbicaraan 1MDB Najib ditangguh kerana PKP

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Perbicaraan 1MDB Najib ditangguh kerana PKP

KUALA LUMPUR - Perbicaraan melibatkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang berhadapan dengan pertuduhan rasuah dan pengubahan wang berkaitan dana RM2.3 bilion 1Malaysia Development Bhd (1MDB) di Mahkamah Tinggi di sini, ditangguhkan kepada 21 Jun.

Perbicaraan itu asalnya dijadualkan bersambung semalam (1 Jun), namun ditangguh disebabkan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh selama 14 hari yang bermula Selasa.

“Perbicaraan akan bersambung pada 21 Jun di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah sekiranya Sekatan Per-

gerakan Penuh tidak dilanjutkan,” kata Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib ketika dihubungi pada Rabu.

Peguam Najib, Wan Aizuddin Wan Mohammed dijangka meneruskan pemeriksaan balas saksi pendakwaan ke-10, Mohd Hazem Abdul Rahman, 49, yang merupakan bekas ketua pegawai eksekutif 1MDB, apabila perbicaraan bersambung nanti.

Najib, 67, berdepan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan nilai sama. - Bernama



03 JUN, 2021

Perbicaraan 1MDB Najib ditangguh kerana PKP

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Perbicaraan melibatkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang berhadapan dengan pertuduhan rasuah dan pengubahan wang berkaitan dana RM2.3 bilion 1Malaysia Development Bhd (1MDB) di Mahkamah Tinggi di sini, ditangguhkan kepada 21 Jun. Perbicaraan itu asalnya dijadualkan bersambung semalam (1 Jun), namun ditangguh disebabkan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh selama 14 hari yang bermula Selasa.